

Mahathir ke Perlis tinjau sebab calon BN ditolak

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KANGAR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan melakukan lawatan tidak rasmi ke Perlis, Khamis ini, untuk mengetahui lebih jelas sebab-sebab borang pencalonan calon Barisan Nasional, Encik Azmi Khalid untuk kawasan Bintong ditolak Rabu lalu.

Sumber parti berkata, Datuk Seri Dr. Mahathir akan menemui Menteri Besar, Haji Ali Ahmad yang juga Pengarah Pilihanraya Negeri bagi membincangkan perkara itu.

Menurutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir memandang berat kejadian itu yang membolehkan PAS menawan Bintong dengan mudah.

Sementara itu, Badan Perhubungan Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk menjalankan penyisatan rapi sebab-sebab kejadian itu berlaku.

Jawatankuasa itu terdiri tiga orang iaitu bekas Ahli Parlimen Arau, Syed Hasan Syed Mohamad (Pengerusi, bekas Speaker Dewan Undangan Negeri, Haji Mahmud Hashim dan Syed Omar Syed Hussein (kedua-duanya jawatankuasa).

Merasmikan

Jawatankuasa itu yang bebas dari ikatan dan tidak terlibat dalam pencalonan menjalankan tugas mereka mulai semalam.

Pada hari yang sama, Datuk Seri Dr. Mahathir akan merasmikan perletakan batu asas projek perumahan pertama LUTH di Bukit Tinggi, Bukit Pinang.

Peringkat pertama projek itu di kawasan seluas 9.5 hektar mengandungi 458 unit rumah dan dijangka siap awal tahun depan. Projek tersebut \$30 juta itu mengandungi 387 unit rumah teres dua bilik, 45 unit tiga bilik and 26 unit rumah kedai dua tingkat.